


Oleh Mohd Faisal Md Noor  
bhvarsiti@bharian.com.my  
BH 01-03-2012 C5

**K**EINDAHAN dasar laut yang memukau membuatkan pelajar Tahun Dua Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Akuakultur Universiti Malaysia Sabah (UMS), Noorashikin Md Noor jatuh cinta kepada aktiviti 'snorkeling'.

Bersesuaian dengan bidang pengajian dipilihnya, gadis berusia 22 tahun itu berkata, aktiviti snorkeling dapat mendedahkan beliau dengan kehidupan laut di samping meneroka dan mendapatkan lebih banyak maklumat menarik mengenai alam yang begitu indah itu.

"Penghayatan alam flora dan fauna terutama hidupan laut lazimnya jarang menarik perhatian golongan remaja. Aktiviti ini bukan satu 'trend' pilihan, tapi sekiranya kita mula berjinak-jinak dalam aktiviti ini sudah pasti hati kita akan terpaut dengan keindahan yang kita dapat saksikan sendiri.

"Hidupan laut ini bukan saja satu anugerah Tuhan yang berharga, tapi ia berperanan



# Norashikin berazam pulihara khazanah laut

Penghayatan alam flora dan fauna terutama hidupan laut lazimnya jarang menarik perhatian golongan remaja. Aktiviti ini bukan satu 'trend' pilihan, tapi sekiranya kita mula berjinak-jinak dalam aktiviti ini sudah pasti hati kita akan terpaut dengan keindahan yang kita dapat saksikan sendiri

**Noorashikin Md Noor**  
Pelajar UMS

## PROFIL

### NOORASHIKIN MD NOOR

Tarikh Lahir: 10 September 1990

Asal: Labuan, Sabah

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Akuakultur

Cita-cita: Penyelidik bidang Akuakultur dan Sains Perikanan

Adik Beradik: Kelima daripada enam adik beradik

Pencapaian: Anugerah Dekan Universiti Malaysia Sabah (UMS) tiga semester berturut-turut, sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar untuk Sukan dan Rekreasi 2010/2011.

menjadi pelengkap ekosistem alam semula jadi bagi memastikan ia kekal konsisten, mampu memberikan sumber pendapatan dan menjadi faktor terpenting untuk memberikan keseimbangan kepada alam," katanya.

Berasal dari Negeri Bawah Bayu, Noorashikin akui beliau amat berpuas hati dengan pemilihan kursus diikutinya di UMS, memandangkan ia memberi peluang kepadanya mengenali lebih rapat hidupan dasar laut.

Beliau berkata, pilihan itu juga menjadi satu 'platform' untuknya berbakti kepada khazanah laut melalui aktiviti dianjurkan universiti berkenaan.

"Menjadi rutin kami (pelajar jurusan Sains Akuakultur UMS) melakukan aktiviti snorkeling dan membersihkan pantai sebagai sebahagian kegiatan pembelajaran, pengkajian dan pemerhatian bagi memulihara khazanah laut.

"Melalui aktiviti snorkeling sebagai contoh, kami banyak belajar mengenali dan memahami kehidupan laut di samping memberi kesedaran kepada kami kepentingan memulihara keseimbangan ekosistem sesuatu spesies (hidupan laut).

"Kami juga didedahkan terhadap hidupan laut yang dikenali 'giant clam' atau kerang gergasi. dan yang menariknya terdapat sekurang-kurangnya tujuh daripada sembilan spesies kerang gergasi seluruh dunia dapat ditemui di Pulau Gaya, Sabah," katanya.

Beliau yang bercita-cita menjadi penyelidik dalam bidang akuakultur dan sains perikanan menganggap peluang melakukan aktiviti snorkeling dan menyaksikan sendiri spesies yang sukar ditemui seperti kerang gergasi amat membantu meningkatkan lagi minatnya terhadap bidang itu.

Katanya, pengalaman manis berkenaan yang dikongsi bersama 23 pelajar lain ialah sesuatu yang sukar dilupakan.

Beliau berkata, antara tugas yang perlu dilakukan ialah menyediakan laporan lengkap sebaik menamatkan aktiviti snorkeling, sekali gus membantu merancang aktiviti susulan bagi mencari langkah atau kaedah terbaik memulihara keindahan ciptaan Tuhan itu.

"Semua cabaran ini memberi pengalaman penting dalam memamatkan kami. Cuma apa agak dikesali, terdapat segelintir pengunjung pantai sepanjang Pulau Gaya, yang membuang sampah sewenang-wenangnya.

Pemandangan ini amat menyakitkan mata dan setiap kali kami menjalankan aktiviti pembersihan pantai, kami turut memberikan kesedaran kepada penduduk setempat kepentingan menjaga keindahan pesisir pantai berkenaan," katanya.

Noorashikin berharap lebih ramai yang tampil bersama-sama menyumbang dalam usaha memulihara ekosistem dan menjaganya bagi golongan akan datang.